

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Pejabat Kewangan Negeri,
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,
70503 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Telefon : 06 - 7624686 (Talian Terus)
06 - 7659961
06 - 7659962
No. Faks: 06 - 7636352
06 - 7671702

Fail Kami : P.Kw.N./N.S.(349) 600/21 (19)
Tarikh : 20 Ramadan 1439H
5 Jun 2018

**SEMUA KETUA JABATAN NEGERI
PIHAK BERKUASA TEMPATAN
BADAN BERKANUN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

YB Dato'Seri /YB Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**MAKLUMAN MENGENAI PEROLEHAN KERAJAAN DALAM PELAKSANAAN CUKAI
BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP) PADA KADAR SIFAR (0%) DI PERINGKAT
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

Dengan segala hormat dan takzimnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan Malaysia melalui siaran media bertarikh 16 Mei 2018 telah menetapkan bahawa Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP) adalah pada kadar sifar (0%) berkuatkuasa mulai **1 Jun 2018**. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan CBP pada kadar sifar (0%) ke atas perolehan Kerajaan di Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan juga berkuatkuasa pada tarikh yang sama.

3. Kenaan CBP pada kadar sifar (0%) dalam perolehan Kerajaan hendaklah dipatuhi seperti berikut:

- (i) Semua perolehan bekalan / perkhidmatan / kerja akan dikenakan CBP pada kadar sifar (0%) mulai **1 Jun 2018** ;
- (ii) Pelepasan daripada kenaan CBP bagi perolehan bekalan / perkhidmatan/ kerja adalah **dimansuhkan** ;
- (iii) Bagi Surat Setuju Terima (SST) yang telah ditandatangani sebelum 1 Jun 2018 dan kontrak mula berkuatkuasa pada atau selepas 1 Jun 2018, kenaan CBP adalah pada kadar sifar (0%). Pelarasan harga kontrak perlu dilaksanakan oleh Jabatan / Agensi Kerajaan. Walau bagaimanapun nilai bon pelaksanaan adalah **kekai**. Perubahan harga kontrak disebabkan oleh CBP boleh dibuat dengan kelulusan Pegawai Pengawal. ;
- (iv) Bagi kontrak Kerajaan yang masih berkuatkuasa dan tempoh kontrak melangkaui 1 Jun 2018, kenaan CBP selepas 1 Jun 2018 adalah pada kadar sifar (0%) mengikut tarikh bekalan / perkhidmatan sebenar yang diterima oleh Jabatan / Agensi Kerajaan. Memandangkan SST telah ditandatangani sebelum 1 Jun 2018, maka pelarasan harga kontrak perlu dilaksanakan oleh Jabatan / Agensi Kerajaan. Walau bagaimanapun nilai bon pelaksanaan

adalah **kekai**. Perubahan harga kontrak disebabkan oleh CBP boleh dibuat dengan kelulusan Pegawai Pengawal ;

- (v) Bagi pelanjutan kontrak perolehan Kerajaan yang melibatkan perjanjian tambahan yang dikeluarkan sebelum 1 Jun 2018, nilai kenaan CBP yang ditetapkan adalah pada kadar sifar (0%) ke atas bekalan / perkhidmatan/ kerja yang dibuat mulai 1 Jun 2018;

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YB Dato' Seri/YB Dato'/YBhg. Dato'/ tuan/puan adalah dipohon untuk memaklumkan kepada pegawai dan kakitangan di bawah kawalan dan seliaan YB Dato' Seri/YB Dato'/YBhg. Dato'/tuan/puan dan memastikan pelaksanaan CBP pada kadar sifar (0%) ini dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

“AMANAH DAN PRODUKTIF”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' JOHANI BIN HASSAN)

- s.k. i. Pengarah
Jabatan Audit Negara Negeri Sembilan
Wisma Audit, Seremban 2
70300 Seremban
- ii. Ketua
Unit Audit Dalam
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Negeri Sembilan Darul Khusus
- iii. Bendahari Negeri
Negeri Sembilan Darul Khusus